

Kerjasama penduduk, 'dokter pokok' elak insiden pohon tumbang berulang

- Pihak berkuasa, pemegang taruh perlu utamakan pemeriksaan menyeluruh dan program penyelenggaraan bagi menjamin keselamatan pokok di bandar

- Syor kerajaan pertimbang insentif bagi individu mahu mendapatkan persijilan dan menggalakkan arborikultur sebagai sebahagian pendidikan teknikal

Langit petang berubah gelap dan angin mula bertiup kencang diiringi hujan lebat sudah cukup menjadikan warga kota bimbang terhadap insiden pokok tumbang yang pernah meragut nyawa seorang pengguna jalan raya dan mencederakan yang lain di Jalan Sultan Ismail, bulan lalu.

Berdasarkan statistik Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), kes pokok tumbang meningkat di seluruh negara. Daripada 3,081 kes pada 2021, ia meningkat kepada 3,358 kes (2022) dan 4,825 kes dengan 10 kematian dan 47 cedera (2023).

Bomba memaklumkan, bagi tempoh empat bulan pertama tahun ini, sebanyak 1,085 kejadian pokok tumbang direkodkan di seluruh negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, dilaporkan berkata Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menebang 173 pokok berisiko tinggi sejak 2019.

Namun pakar berpendapat, ia tidak menjamin insiden pokok tumbang tidak berulang kerana pembangunan pesat akibat penambahan jumlah penduduk saban tahun.

Presiden Persatuan Arborist Malaysia (PARM), Mohd Zailani Jamil, berpandangan penting untuk melakukan pemeriksaan secara tetap, di samping usaha mitigasi untuk meminimumkan risiko 'kegagalan' pokok di bandar.

"Pihak berkuasa dan pemegang taruh perlu mengutamakan pelaksanaan pemeriksaan menyeluruh dan menjalankan program penyelenggaraan untuk menjamin keselamatan pokok di bandar," katanya.

Mohd Zailani berkata, insiden pokok tumbang sepatutnya menjadi peringatan untuk pihak berwajib menimbangkan keperluan penjagaan akar pokok dalam pembangunan kawasan sekitar.

"Akar pokok adalah penyumbang utama kepada kestabilan pokok dan sebarang gangguan atau pemotongan akar pokok akan menjadikannya mereput serta menjejaskan integriti struktur pokok berkenaan.

"Oleh itu, pelan pembangunan bandar perlu mengintegrasikan langkah melindungi dan memelihara akar pokok bagi mengekalkan kestabilan pokok dalam jangka panjang," katanya.

Sementara itu, Pegawai Penyelidik di Bahagian

Perhutanan dan Alam Sekitar, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Abdul Hayat Mat Saad, berkata setiap penduduk sebenarnya bertanggungjawab memastikan pokok bandar sihat dengan menjadi 'mata dan telinga' pihak berkuasa tempatan (PBT).

Orang ramai, tambahannya, harus mempunyai pengetahuan asas mengenai kesihatan pokok untuk memastikan keselamatan awam terjamin dan dapat membantu serta memudahkan kerja PBT mengenal pasti pokok 'sakit'.

"Kita boleh menggunakan kaedah penilaian secara visual ke atas pokok merangkumi tiga peringkat: Pertama, melihat secara umum keadaan fizikal.

"Kedua, penilaian 360 darjah, iaitu pemeriksaan sekeliling kawasan pokok secara individu dengan memerhati lebih dekat keadaan tanah, batang pokok, dahan, ranting, daun dan akarnya.

"Jika pada batang ditumbuhi cendawan, pokok itu berkemungkinan besar mengalami pereputan di bahagian dalam. Barulah kita beralih kepada penilaian ketiga yang hanya boleh dijalankan arboris bertauliah dengan menggunakan alat tertentu," katanya.

Beliau berkata, orang awam perlu menghubungi PBT selepas mengenal pasti pokok berpotensi untuk tumbang, menunjukkan tanda hampir mati atau sakit.

"Tidak semua pokok perlu ditebang untuk mengelakkannya tumbang. Keputusan itu mengambil kira keadaan kesihatan pokok dan risiko di sekelilingnya.

"Ada pokok boleh diselamatkan melalui kaedah pemangkasan atau amalan baik arborikultur. Luka kesan vandalisme atau jentera besar pada pokok memerlukan pemantauan kerana pokok akan cuba pulih sendiri.

"Pokok juga seperti manusia, jika berasa tertekan dengan keadaan sekeliling kurang sesuai untuk pertumbuhan, ia akan mula menunjukkan tanda 'sakit' dialami," katanya.

Abdul Hayat menasihati orang awam supaya tidak sesekali memaku gegantung atau papan iklan di pokok ditanam di bandar kerana akan menyebabkan luka.

"Jika paku tidak dicabut dengan baik dan

ditinggalkan begitu sahaja di batang, ia akan mengundang patogen lain boleh menyebabkan pereputan dalaman pokok.

"Ini akan menyebabkan kesihatan pokok merosot, lalu terdedah kepada potensi kegagalan seperti tumbang," katanya.

Pembangunan tidak sesuai

Bagi Perunding Kepelbagaian Biologi, Surin Suksuwan, pula sebahagian besar insiden 'kegagalan' pokok di Kuala Lumpur disebabkan pembangunan tidak sesuai, diburukkan lagi dengan perubahan iklim memberi kesan kepada pokok matang, tua dan besar.

"Masalahnya berpunca perancangan dan perluasan bandar kerana kita amat bergantung kepada kereta yang menyebabkan jalan raya terus dilebarkan.

"Apabila jalan dilebarkan, biasanya pokok tua perlu ditebang. Ini menyebabkan jalan raya dan laluan pejalan kaki menjadi tidak stabil dan membahayakan pengguna," katanya.

Beliau menambah, perubahan iklim dan hujan lebih lebat di samping pembangunan infrastruktur serta kerja pembinaan bangunan, meningkatkan risiko kerosakan serta kecederaan ke atas pokok tua.

Surin berkata, setiap majlis perbandaran perlu mempunyai arboris untuk memastikan pokok di bandar diselenggara dengan baik.

"Menanam pokok betul di tempat betul adalah penting. Penting juga tahu kaedah memangkas pokok bagi mengelakkan dahan kecil daripada patah dan merosakkan harta awam sewaktu cuaca buruk," tambahnya.

Kekurangan arboris 'dokter pokok' di negara ini pernah dibangkitkan pelbagai pihak, termasuk Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming, yang menggalakkan PBT mengambil khidmat lebih ramai pakar itu bagi memperbaiki pengurusan landskap.

Justeru, kata Kor Ming, semua pekerja landskap PBT perlu menghadiri kursus arboris dianjurkan Jabatan Landskap Negara bagi memastikan matlamat itu dicapai.

Mohd Zailani berkata, pada masa ini terdapat 150 arboris diperakui Persatuan Arborikultur Antarabangsa (ISA) di negara ini, berbanding kira-kira 400 di Singapura, jelas menunjukkan kekurangan pakar.

"Di beberapa negara maju, hanya arboris diperakui dibenar mengendalikan pokok awam bagi memastikan langkah mitigasi betul dijalankan," katanya.

Beliau mencadangkan kerajaan menimbang untuk menyediakan insentif bagi mereka mahu mendapatkan persijilan dan menggalakkan arborikultur sebagai sebahagian pendidikan teknikal.

"Di PBT, kakitangan lulus peperiksaan dan menjadi arboris diperakui, perlu diiktiraf jabatan dan skop kerjanya diwujudkan semula untuk memberi tumpuan sepenuhnya kepada arborikultur serta penjagaan pokok.

"Ini menjamin sebarang perancangan bandar dan kerja pembinaan berhampiran pokok mendapat perundingan sewajarnya serta nasihat arboris untuk mengelakkan insiden pokok tumbang," katanya.

BERNAMA

